

08 AUG 1996

Downer-Malaysia

CANBERRA MAHU AUSTRALIA-MALAYSIA JALINKAN HUBUNGAN BARU

PETALING JAYA, 8 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Australia Alexander Downer mahu hubungan Australia dan Malaysia yang pernah renggang sebelum ini diperbaharui untuk kemajuan kedua-dua negara.

Beliau berkata hubungan Australia dan Malaysia kini memasuki "satu peringkat baru yang menarik" dengan wujudnya perubahan di kedua-dua negara dan perubahan bersejarah di rantau Asia Pasifik.

"Ia merupakan peringkat wujudnya peluang-peluang baru...saya amat menanti-nantinya," katanya semasa menyampaikan ceramah mengenai "Hubungan Australia-Malaysia: Kerjasama Bagi Masa Depan Yang Gemilang" di Institut Hubungan Luar dan Diplomasi Malaysia (IDFR) di sini hari ini.

Downer yang tiba semalam untuk lawatan empat hari ke Malaysia diperkenalkan oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi kepada kira-kira 200 peserta yang mendengar ceramah itu. Juga hadir ketua pengarah IDFR Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid.

Pemimpin Australia itu berkata: "kita bukan sahaja telah menjalinkan hubungan yang lama, tetapi sebagai negara yang muda dan dinamik, Australia dan Malaysia mempunyai kepentingan bersama di rantau Asia Pasifik."

Hubungan Malaysia dengan Australia di bawah kerajaan parti Buruh yang lalu menjadi renggang berikutan kemarahan Kuala Lumpur terhadap Canberra ekoran penayangan sebuah filem rencana yang menghina Malaysia.

Hubungan kedua-dua negara menjadi semakin renggang di akhir 1993 apabila Perdana Menteri Australia ketika itu Paul Keating memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad keras kepala kerana tidak menghadiri sidang kemuncak penubuhan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle.

Downer berkata kerajaan Australia yang baru mahu mewujudkan asas hubungan politik yang kukuh antara kedua-dua negara sejak dari awal.

"Itulah sebabnya Perdana Menteri John Howard dan saya berasa gembira untuk berjumpa Perdana Menteri Dr Mahathir di peringkat awal perkhidmatan kerajaan Australia yang baru," katanya.

Mengenai kerjasama politik dan keselamatan, Downer berkata apa yang diperlukan sekarang ialah bagaimana kedua-dua kerajaan dapat mengukuhkan dialog politik di peringkat menteri.

"Kerjasama erat di peringkat dua hala dengan sendirinya akan mengukuhkan lagi usaha kedua-dua negara di rantau ini," kata beliau.

Downer berkata memandangkan kedua-dua negara mempunyai pendirian yang sama mengenai matlamat menyekat pembiakan senjata nuklear, Australia amat mengalu-alukan kehadiran Malaysia di Persidangan Perlucutan Senjata di Geneva.

Downer juga berkata hubungan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara memberangsangkan dan peluang untuk meningkatkan perdagangan adalah besar.

Beliau berharap syarikat-syarikat teknologi maklumat dan multi-media dari Australia akan turut memberi sumbangan kepada projek-projek Koridor Raya Multi-Media Malaysia dan pembinaan pusat pentadbiran kerajaan Malaysia yang baru, Putrajaya.

Mengenai kerjasama ekonomi serantau, Downer berkata Australia menyambut baik penyertaan Malaysia dalam dialog post-forum Forum Pasifik Selatan. --

BERNAMA

ES OBA